

Berbanggalah dengan pencapaian negara: PM

BH 31 AUG 2007
Oleh Nadzim
Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR, Khamis – Sempena Hari Kemerdekaan ke-44 esok, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat memperbaharui komitmen untuk terus bersatu padu serta bersama-sama bergerak maju dan mempertahankan Malaysia sebagai negara berdaulat dan merdeka.

Sambil menegaskan rakyat berhak berbangga dengan pencapaian negara, Perdana Menteri menegaskan, Malaysia adalah hak semua rakyat sama ada Bumiputera atau bukan Bumiputera.

“Malaysia adalah negara kita, hak kita. Marilah kita mempertahankannya agar kita dapat terus merdeka, bebas, berdaulat, maju dan makmur dan terus dihormati oleh masyarakat dunia,” katanya dalam perutusan sempena Hari Kemerdekaan ke-44 yang disiarkan secara langsung melalui radio dan televisyen malam ini.

Dr Mahathir berkata, semua rakyat tentunya berasa bertuah dan bersyukur kerana pada masa singkat, Malaysia mencapai tahap kemajuan membanggakan, malahan ia aman dan mampu menangkis pelbagai serangan terhadap ekonomi dan politiknya.

Malaysia, katanya, bukan saja masih aman, malah ekonomi juga masih baik, manakala hubungan antara kaum kekal harmoni.

“Kita bebas daripada cengkaman

Ucapan penuh Dr Mahathir – Muka 29

agensi antarabangsa dan kuasa besar. Ringgit kita stabil dan mempunyai nilai berpatutan, tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah. “Rizab negara mampu menampung lebih daripada tiga bulan nilai import. Pasaran saham juga sihat dan inflasi kurang tiga peratus,” katanya.

Beliau berkata, kejayaan Malaysia sebagai negara membangun termaju dan dianggap contoh kepada negara membangun lain adalah hasil kerjasama rakyat semua kaum hingga membolehkan pentadbiran dilakukan dengan berkesan.

Dalam perutusan itu, beliau turut mengingatkan rakyat supaya berwaspada dengan pihak atau kumpulan tertentu yang sengaja menafikan Islam yang diamalkan di negara ini semata-mata kerana ingin memupuk perasaan kebencian kepada musuh politik.

Katanya, pihak atau kumpulan berkenaan mungkin memandang

ringan terhadap penafian mereka akan kelslaman Malaysia dan menganggap ia satu strategi untuk mengalahkan musuh politik mereka.

Perdana Menteri juga merakamkan penghargaan kepada semua rakyat Malaysia khususnya pasukan keselamatan serta petugas kerajaan dan swasta serta pelajar sekolah dan universiti dalam dan luar negara.

“Bagi pihak kerajaan, saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana sumbangan tidak ternilai terhadap kestabilan, kemajuan dan pembangunan negara yang bertuah dan tercinta ini,” katanya.